

10/01/1999

Tanggung pemilihan MT langkah wajar

MELAKA: Keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno untuk menangguhkan pemilihan pada tahun ini adalah wajar bagi memudahkan parti itu membuat persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin, menjelaskan walaupun pilihan raya umum boleh diadakan sehingga April 2000, Umno tidak boleh memandang ringan terhadap usaha menyatupadukan di kalangan ahli.

Beliau berkata, jika pemilihan MT diadakan pada tahun ini, sudah pasti mereka yang bertanding akan berusaha memancing undi perwakilan.

"Dalam pertandingan, ada kalah menang dan jika pihak yang kalah tidak puas hati, sudah pasti keputusan pilihan raya umum akan datang, turut terjejas," katanya di sini, semalam.

Abu Zahar berkata, pengumuman Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin mungkin selepas mengambil kira beberapa pemimpin kerajaan yang sudah menyatakan hasrat untuk bertanding.

(END)